

# Idea inovatif promosi kan e-dagang

UM 20 OCT 2001

KUALA LUMPUR 19 Okt. — Penyedia perkhidmatan infrastruktur dan perkhidmatan e-niaga, Skali menyifatkan galakan teknologi maklumat (IT) yang dibentangkan pada Belanjawan 2002 sebagai idea inovatif untuk mempromosikan kegiatan e-dagang dalam industri tradisional.

Presidennya, Tengku Farith Rithauddeen berkata, ia merupakan langkah pertama dalam merangsang permintaan terhadap perkhidmatan seumpama itu.

"Kami berharap, ia juga akan melibatkan perkhidmatan e-niaga lain yang berkaitan seperti latihan, perundingan, perkhidmatan penyumberan," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau memberikan reaksinya kepada penguaman faedah kos dalam pembangunan laman-laman web perniagaan yang diberikan potongan tahunan sebanyak 20 peratus selama lima tahun yang diperuntukkan menerusi Belanjawan 2002.

Berhubung pinjaman berjumlah RM1.9 bilion oleh kerajaan Jepun kepada pemodal teroka hutang kewangan, Tengku Farith berharap, ia akan diperuntukkan terutamanya kepada syarikat yang berada pada peringkat permulaan.

Sementara itu, Pengarah Urusan Compaq Computer Corporation Malaysia Sdn. Bhd., TF Chong

berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah membentangkan belanjawan yang amat memberangsangkan terutamanya bagi industri teknologi komunikasi dan maklumat (ICT).

"Insentif dan pengecualian itu tanpa disangkal lagi akan memberikan ruang untuk perniagaan terus bernafas terutamanya melalui peruntukan sebanyak RM487.67 juta untuk program pengkomputeran di kementerian dan jabatan," katanya.

Menurutnya, perbelanjaan sebanyak RM112.7 juta dalam teleperubatan, kerajaan elektronik, sekolah bestari, aplikasi bersepadu dan kad pintar me-

nunjukkan betapa kesungguhan kerajaan menggunakan ICT sebagai alat strategik untuk menyokong pertumbuhan Malaysia.